

## SOALAN PERCUBAAN NEGERI JOHOR 1

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti dan kemudian buat suatu rumusan tentang **usaha-usaha mengekalkan keharmonian antara kaum dan cabaran memperkukuh perpaduan**. Panjangnya rumusan anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah kata**.*

Perpaduan dan keharmonian antara kaum adalah penting dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia. Sejak negara mencapai kemerdekaan, seluruh rakyat Malaysia telah menerima Perlembagaan Persekutuan yang menjamin hak semua kumpulan etnik dan Rukun Negara sebagai panduan dalam pembinaan negara. Keharmonian masyarakat dan kestabilan negara menjadi idaman negara lain, termasuklah negara yang maju.

Pembinaan negara-bangsa bukanlah suatu proses yang mudah. Pelbagai cabaran yang berlaku perlu ditempuhi. Persefahaman, toleransi dan yang paling utama, komitmen serta pengorbanan yang tinggi amatlah penting. Jika kita telusuri sejarah negara sejak beberapa dekad ini, tidak dinafikan kita telah mencapai kejayaan dari segi pembangunan ekonomi, pemodenan dan teknologi maklumat. Oleh sebab itu, janganlah menghancurkan apa-apa yang telah kita capai selama ini melalui semangat muhibbah dan persefahaman antara kaum di negara berbilang bangsa ini. Janganlah kita membiarkan fahaman ekstremis memecahbelahkan negara yang kita cintai ini kerana inilah tanah tempat kita dilahirkan, tempat membina kehidupan, dan tempat kita mencari rezeki.

Rakyat Malaysia daripada pelbagai kumpulan etnik perlu membantu menjalin dan memperkukuh keharmonian hidup di Malaysia. Hanya keharmonian dan persefahaman antara kaum yang mampu menggalakkan kepercayaan dan perpaduan antara rakyat. Rakyat Malaysia tidak kira bangsa atau agama, seharusnya lebih peka terhadap peranan dan sumbangan mereka kepada perpaduan negara. Pembangunan ekonomi tidak akan bermakna tanpa persefahaman, keharmonian, dan kepercayaan antara rakyat. Rakyat Malaysia harus sedar dan perlu mengelakkan diri daripada mengejar agenda yang bersifat perkauman. Hal ini demikian kerana, *benih-benih perbalahan* yang wujud akan memudaratkan keharmonian dan perpaduan yang sudah sekian lama terjalin.

Di samping itu, semangat patriotisme mestilah sentiasa disemai dan dibajai dalam usaha mengekalkan keharmonian dan perpaduan sosial. Penyelesaian kepada kemelut yang menimbulkan rasa tidak puas hati antara kaum sewajarnya menggunakan pendekatan kesederhanaan. Dalam negara bermasyarakat majmuk seperti Malaysia, tindakan atau tutur kata yang bersifat provokasi yang dapat menjejaskan keharmonian kaum dan perpaduan hendaklah dielakkan.

Kesimpulannya, keharmonian hidup masyarakat antara kaum hendaklah dikekalkan. Setiap masalah perlu ditangani secara penuh berhemah dan teliti ibarat menarik benang di dalam tepung agar tidak menyinggung hati dan perasaan mana-mana pihak yang lain.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana *Jangan Langgar Sempadan Perpaduan*,” Utusan Malaysia, 01 Januari 2014)

## Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkai kata *benih-benih perbalahan* yang terdapat dalam petikan di atas?  
[2 markah]
- (ii) Mengapakah penulis menganggap pembinaan negara bangsa sebagai suatu proses yang sukar?  
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, wajarkah jika kita katakan bahawa negara kita telah berjaya menjadi sebuah negara yang disegani kerana wujudnya perpaduan dalam kalangan rakyat berbilang kaum? Kemukakan alasan anda  
[4 markah]

## SOALAN PERCUBAAN NEGERI JOHOR 2

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kepentingan-kepentingan hutan tanah tinggi dan usaha-usaha untuk mengekalkannya**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Hutan adalah sebahagian daripada ekosistem global yang menampung serta memperkaya kehidupan manusia. Ekosistem hutan mempunyai kitaran yang kompleks, iaitu melibatkan air, tanah, atmosfera, tumbuh-tumbuhan, dan fauna. Hutan yang terdapat di seluruh dunia dapat diklasifikasikan kepada beberapa jenis. Antaranya termasuklah hutan hujan tropika, hutan bakau, hutan pokok tirus, hutan pokok daun luruh, dan sebagainya. Sebahagian besar daripada hutan di Malaysia ialah hutan hujan tropika. Di Malaysia juga terdapat sebahagian kawasan hutan yang berada di tanah tinggi yang melebihi 300 meter dari aras laut. Hutan ini dipanggil hutan tanah tinggi.

Kebanyakan kawasan hutan tanah tinggi di negara ini menjadi sumber bekalan air bersih. Hutan tanah tinggi menyimpan air bersih dan melepaskannya apabila kandungan airnya bertambah. Apabila hujan turun, terutamanya sewaktu musim hujan, hutan tanah tinggi ini akan bertindak menyerap sejumlah besar air melalui akar pokok. Air yang terperangkap di bawah tanah akan memasuki anak sungai yang membentuk kawasan bekalan air yang sedia digunakan pada musim kemarau. Hutan tanah tinggi juga bertindak sebagai penapis semula jadi bagi air hujan. Hutan ini dapat mencegah hujan daripada terus menimpa tanah dengan terlalu kuat sekali gus dapat mencegah kerosakan bahagian lapisan atas tanah.

Hutan tanah tinggi yang terdapat di banjaran utama negara kita pula merupakan kawasan yang dapat membekalkan sumber hutan. Hutan tanah tinggi ini membekalkan kayu balak dan ramuan ubat-ubatan. Kayu balak dan pelbagai ramuan ubat tradisional daripada pokok-pokok di hutan ini menjadi sumber rezeki bagi sesetengah pihak. Malah, hutan ini menjadi sumber kepelbagaian biologi. Hutan tanah tinggi ini turut berfungsi sebagai pembekal makanan kepada haiwan sepanjang tahun. Di hutan tanah tinggi ini terdapat berbagai-bagai jenis bunga, buah, daun, dan kacang yang menjadi sumber makanan hidupan. Selain itu, hutan tanah tinggi ini menjadi habitat bagi beraneka spesies flora dan

fauna. Namun begitu, aktiviti-aktiviti manusia yang tidak terkawal telah menjejaskan ekosistem kawasan tanah tinggi tersebut. Antara ancaman kawasan hutan tanah tinggi ini termasuklah pengambilan sumber galian dan pembalakan serta pengambilan spesies tumbuhan penting untuk tujuan komersial. Kelemahan dalam perancangan pembangunan dan pengurusan serta penggunaan tanah secara berleluasa turut menjadi ancaman kawasan hutan tanah tinggi. Ancaman-ancaman ini perlu dikawal untuk mengekalkan sumber hutan negara.

Faedah hutan tanah tinggi yang lain ialah hutan ini bertindak sebagai tempat rekreasi dan pelancongan. Misalnya, terdapat beberapa buah taman negara yang terletak di hutan tanah tinggi. Taman negara ini menjadi daya tarikan para pelancong dari dalam dan luar negara untuk berinteraksi dengan alam semula jadi. Di samping itu, hutan ini juga merupakan sumber penyelidikan perubatan farmasi yang amat bernilai. Pelbagai kajian dan penyelidikan dapat dijalankan bagi mendapatkan imput baharu untuk meningkatkan kesihatan masyarakat.

Dipetik dan diubah suai daripada "Lindungi Kawasan Tanah Tinggi"  
Oleh Ridzuan Mohamad, Dewan Masyarakat, Mac 2014

### **Soalan 2(a)- Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata sumber rezeki.  
[2 markah]
- (ii) Pengarang ada mengemukakan beberapa ancaman kawasan hutan tanah tinggi yang perlu dikawal untuk mengekalkan sumber hutan negara.  
Nyatakan ancaman-ancaman tersebut.  
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, huraikan kesan-kesan pembalakan secara tidak terkawal di kawasan hutan tanah tinggi kepada alam sekitar.  
[4 markah]

Soalan 1 : Rumusan

[30 markah]

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang punca-punca remaja terlibat dengan budaya hedonisme dan langkah-langkah kerajaan membendungnya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Budaya hidup dalam keseronokan atau dikenali sebagai *hedonisme* merupakan amalan hidup masyarakat Barat. Gaya hidup bebas tanpa batasan ini telah menyebabkan institusi keluarga di Barat menjadi rapuh dan musnah. Di Malaysia, budaya hedonisme ini telah meresap dalam sanubari golongan remaja yang menyebabkan mereka lebih mementingkan diri sendiri dan bersikap materialistik. Penyerapan budaya ini berlaku kerana kekurangan nilai dan pengamalan agama dalam kalangan remaja.

Budaya hedonisme ini jika tidak dibendung akan membabitkan masalah yang lebih besar seperti jenayah rogol, pembuangan bayi dan seks bebas. Remaja terjebak dalam budaya keseronokan ini kerana mereka terpengaruh dengan budaya Barat. Tanpa pemikiran yang matang, mereka mudah menerima budaya hidup Barat yang cenderung ke arah keseronokan dan hiburan. Masalah ini menjadi semakin rumit apabila pihak media massa sering menyiarkan rancangan hiburan Barat yang mengasyikkan sehingga melekakan golongan remaja.

Selain itu, remaja terlibat dalam budaya keseronokan ini kerana kurangnya maklumat hedonisme yang diterima oleh mereka. Remaja mendapat maklumat tentang budaya tersebut melalui media sosial. Tanpa merujuk dan berbincang dengan ibu bapa, mereka menerima budaya tersebut semata-mata hendak berseronok. Di samping itu, kebanyakan remaja merujuk rakan sebaya tentang persoalan hubungan sosial yang telah mendapat maklumat daripada sumber yang salah seperti Internet. Dalam hal ini, remaja seharusnya menitikberatkan hubungan sosial yang betul dan memahami kehendak agama.

Tidak dinafikan kebanyakan remaja yang terlibat dalam budaya ini menghadapi tekanan dalam kehidupan mereka. Pengaruh hedonisme ini jika tidak disekat akan menjadikan remaja hidup secara sendiri-sendiri dan tidak kisah tentang hal orang lain. Remaja juga kurang kefahaman tentang keburukan amalan hedonisme. Pengetahuan yang cetek akibat kurang membaca menyebabkan remaja tidak mampu menilai kesan buruk budaya tersebut terhadap diri sendiri. Lebih memburukkan keadaan apabila sikap prihatin masyarakat semakin luntur. Masyarakat hari ini lebih mementingkan ahli keluarga sendiri tanpa mempedulikan permasalahan yang wujud dalam komuniti mereka.

Lantaran itu, ibu bapa haruslah memahami perkembangan jiwa anak-anak remaja dan *mengukuhkan jiwa* anak-anak dengan didikan agama yang mantap sejak mereka kecil. Pada masa yang sama, ibu bapa perlu mengukuhkan ikatan kekeluargaan dengan curahan kasih sayang. Oleh itu, ibu bapa perlu menggunakan agama, akal, hati dan jiwa bagi mengelakkan budaya hedonisme daripada mengawal diri anak-anak.

Dipetik dan diubah suai daripada 'Hedonisme: Mengapa Terus Hantui Remaja' oleh Dr. Aminudin bin Mansor, Fokus SPM, Julai 2014

## Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Jelaskan maksud rangkai kata *mengukuhkan jiwa* berdasarkan petikan. [2 markah]

(ii) Pengarang menyatakan beberapa kesan budaya hedonisme terhadap remaja.

Nyatakan kesan-kesan tersebut. [3 markah]

(iii) Remaja kini mudah terpengaruh dengan budaya hedonisme.

Pada pendapat anda, bagaimanakah remaja boleh mengelakkan diri daripada terjebak dengan budaya tersebut? [4 markah]

## SOALAN PERCUBAAN NEGERI KELANTAN

### Soalan 1 :Rumusan

[30 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **kelebihan-kelebihan menabung bagi golongan remaja dan cara-cara untuk menarik minat golongan remaja menabung**. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Kebanyakan ibu bapa pada zaman ini mempunyai masa yang amat terhad dengan keluarga terutamanya dengan anak-anak. Oleh sebab itu, tidak hairanlah rata-rata ibu bapa pada hari ini memanjakan anak-anak mereka dengan wang ringgit. Mereka menganggap bahawa cara itu sebagai tanda kasih sayang mereka terhadap anak-anak. Walau bagaimanapun, tindakan ini lama-kelamaan akan menyebabkan golongan remaja ini lupa diri. Walaupun ibu bapa mempunyai harta yang banyak dan dapat digunakan pada bila-bila masa tanpa had, perkara itu bukan alasan bagi remaja untuk bersikap boros dan tidak mengendahkan amalan menabung yang dapat dijadikan sebagai simpanan masa depan.

Amalan menabung ini juga dapat mendidik golongan remaja agar berjimat cermat tatkala tangan mereka memegang wang yang banyak. Selain itu, amalan ini juga dapat mendidik golongan remaja untuk merancang perbelanjaan dengan bijak. Sikap beringat-ingat semasa senang mampu mengelakkan golongan remaja daripada menghadapi masalah kewangan. Hal ini dikatakan demikian kerana duit simpanan amat penting terutamanya untuk digunakan pada masa-masa kecemasan. Sebagai contoh, simpanan tersebut boleh digunakan untuk menggantikan barang-barang keperluan yang rosak atau hilang terutamanya bagi remaja yang menuntut di kolej atau tinggal di asrama yang jauh daripada keluarga.



Remaja yang gemar menabung dapat *meringankan beban* ibu bapa kerana duit simpanan mereka dapat digunakan untuk melanjutkan pelajaran. Dengan cara ini, remaja dapat berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada ibu bapa. Hal ini dikatakan demikian kerana kos belajar di institusi pengajian tinggi agak mahal. Walaupun kerajaan menyediakan bantuan pinjaman atau biasiswa, remaja tetap perlu menyediakan sejumlah wang yang mencecah ribuan ringgit semasa pendaftaran dan sepanjang tempoh pengajian. Sekiranya seseorang itu mempunyai wang tabungan, mereka dapat mengurangkan beban hutang pendidikan yang terpaksa ditanggung selepas mereka menamatkan pengajian kelak.

Amalan menabung dalam kalangan remaja dapat membentuk golongan remaja yang berdisiplin dan bermaruah. Mereka dapat menilai keperluan hidup dengan bijak supaya tidak melepasi batas keperluan sehingga berlaku pembaziran. Remaja yang terdidik dengan sikap berjimat cermat dan suka menabung pula akan memperoleh pulangan yang lumayan sekiranya mereka memilih untuk menabung dengan institusi perbankan konvensional yang mengamalkan kadar faedah tetap ataupun sistem perbankan Islam berdasarkan kaedah perkongsian untung dan beberapa syarat lain mengikut syariat Islam. Mereka juga boleh melabur wang dalam saham amanah yang banyak terdapat di negara kita. Pengurusan kredit secara berhemah ini membantu golongan remaja mencapai ketenangan minda.

Natijahnya, menabung merupakan amalan mulia yang perlu dijadikan budaya hidup dan dipraktikkan. Perspektif negatif seperti biar papa asal bergaya perlu diubah agar setiap individu mempunyai visi untuk keluar daripada belenggu kehidupan yang begitu mencabar. Semua pihak perlu berganding bahu bagi memastikan obligasi

terhadap amalan menabung terus subur dalam diari ekonomi setiap individu agar kemakmuran diri dan negara dapat dikekalkan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Budaya Menabung Masih Rendah'  
Oleh Mohd. Khairul Mohd. Ali,  
*Utusan Malaysia*, 22 April 2015

### Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *meringankan beban*. [2 markah]

(ii) Pengarang mengemukakan beberapa kaedah menabung yang menguntungkan golongan remaja.

Nyatakan kaedah-kaedah tersebut. [3 markah]

(iii) Alasan bergaji kecil dan tidak mencukupi dalam perbelanjaan seharian sering kali menjadi isu yang diperkatakan oleh pekerja untuk tidak menabung.

Jelaskan alasan-alasan lain yang dikemukakan oleh seseorang yang tidak mahu menabung. [4 markah]

## SOALAN PERCUBAAN NEGERI SABAH – KOTA BELUD

Baca petikan di bawah dengan teliti kemudian tulis satu rumusan tentang **faktor-faktor jenayah pemerdagangan orang** dan **implikasinya kepada negara**. Panjangnya rumusan tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pemerdagangan manusia ialah masalah global yang kian meningkat jumlah kesnya sejak seabad yang lepas. Jenayah ini membabitkan perbuatan eksploitasi pada skala yang besar terhadap wanita, lelaki dewasa dan kanak-kanak dalam bentuk perhambaan moden. Mengikut laporan Amnesty International, pada tahun 2004 dianggarkan 700,000 orang diperdagangkan pada setiap tahun. Amat malang sekali kerana Malaysia dilihat sebagai tempat menarik oleh sindiket permerdagangan manusia untuk menjalankan aktiviti mereka. Usaha kerajaan memerangi aktiviti permerdagangan manusia berhadapan dengan pelbagai cabaran kerana isu ini merupakan jenayah rentas sempadan. Jenayah ini sukar dikesan kerana melibatkan banyak negara contohnya negara-negara yang berjiran dari segi kedudukan geografinya, Orang yang diperdagangkan direkrut oleh agensi-agensi pekerjaan secara sukarela mahupun secara paksa. Pada mulanya, mereka diperdagangkan kerana telah dijanjikan pekerjaan yang baik di negara yang menjadi destinasi. Mereka juga diyakinkan bahawa aktiviti ini tidak menyalahi peraturan.

Perkembangan ekonomi dan kemakmuran Malaysia menjadi tarikan utama kepada ramai warga asing dari seluruh dunia berhijrah ke negara kita. Kebanyakan mereka yang datang dari Indonesia, Bangladesh, Nepal dan Vietnam telah menjadi mangsa selepas dijanjikan pekerjaan dengan bayaran lumayan sedangkan semuanya palsu. Keadaan ini merencakkan aktiviti penyeludupan dan pemerdagangan manusia. Pada masa yang sama kewujudan pusat hiburan yang beroperasi secara haram menyebabkan permintaan yang tinggi kepada aktiviti ini. Hal ini ditambah oleh, kedudukan Malaysia di tengah-tengah negara Asean yang menjadikan antara lokasi strategik untuk aktiviti permerdagangan manusia. Menyedari masalah itu, Akta Antipemerdagangan orang 2007 telah diluluskan tetapi akta ini masih belum cukup kuat untuk menghalang jenayah ini. Selain itu, modus operandi sindiket yang membawa masuk mangsa sukar dikesan oleh pihak berkuasa disebabkan mereka memasuki Malaysia menggunakan pas lawatan sosial atau pas pelajar. Bukan hanya wanita, malahan lelaki dewasa turut diperdagangkan terutama untuk tujuan pengeksploitan buruh. Kanak-kanak dan bayi juga mendapat permintaan yang tinggi bagi aktiviti meminta sedekah.

Selain itu juga, kesedaran dan kefahaman masyarakat Malaysia yang masih rendah tentang isu ini turut menjadi penyebab kepada permasalahan ini. Keuntungan lumayan yang diperoleh oleh sindiket dengan jumlah yang besar hasil daripada aktiviti pemerdagangan manusia juga menyebabkan kegiatan ini terus berleluasa. Kanak-kanak dan bayi diperdagangkan untuk dijadikan anak angkat kepada pasangan yang tidak mempunyai zuriat sendiri. Kemiskinan di negara asal membuatkan mangsa hilang pertimbangan kerana percaya akan janji-janji manis pihak sindiket. Penguatkuasaan undang-undang yang lemah seperti hukuman yang ringan turut menyebabkan kegiatan yang tidak bermoral ini terus berlaku. Kesimpulannya, sindiket pemerdagangan manusia dilihat **semakin meruncing** dari hari ke hari dan mengugat hak asasi manusia. Kerjasama masyarakat dunia diharap merupakan jalan terbaik bagi membendung jenayah ini daripada terus menjadi barah kepada masyarakat.

(Dipetik dan diubah suai daripada rencana. “Globalisasi dan Fenomena Pemerdagangan Manusia”, [informasiglobalisasi, blogspot.com](http://informasiglobalisasi.blogspot.com), 22 Jun 2015)

## Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *semakin meruncing*

[2 markah]

- (ii) Apakah faktor-faktor yang mendorong lelaki dan kanak-kanak diperdagangkan.

[3 markah]

Pemerdagangan orang bukan sahaja menjatuhkan imej sesebuah negara terlibat tetapi mendatangkan implikasi negatif kepada semua pihak terutamanya kepada keluarga mangsa. Oleh sebab itu, semua pihak perlu bekerjasama untuk menangani isu ini.

- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah proaktif untuk menangani aktiviti pemerdagangan orang?

[4 markah]

## SOALAN PERCUBAAN NEGERI MELAKA

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **faedah-faedah menderma darah dan langkah-langkah menggalakkan orang ramai menderma darah**. Panjangnya rumusan anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Derma darah amalan mulia yang bukan hanya dapat memupuk nilai baik dalam diri, tetapi paling penting turut membantu menyelamatkan nyawa. Malangnya di negara kita, amalan ini kurang mendapat sambutan terutama daripada golongan muda. Menyedari kepentingan amalan itu, Pelbagai usaha perlu dilakukan untuk menggalakkan masyarakat menderma darah bagi memastikan bekalan di Bank Darah sentiasa mencukupi. Antara langkah tersebut ialah tarikh 14 Jun diisytiharkan sebagai Hari Derma Darah Sedunia. Namun hakikatnya, kempen menderma darah masih kurang mendapat sambutan dan tidak memenuhi jumlah keperluan darah yang diperlukan. Hal ini disebabkan kurangnya kesedaran mengenai kepentingan menderma darah, selain kurang maklumat dan pendedahan mengenai menderma darah. Malah, sambutan Hari Derma Darah Sedunia tidak diuar-uarkan untuk disambut sebagai menyedarkan masyarakat mengenai kepentingan menderma darah. Melalui amalan derma darah, bukan sahaja penerima darah menerima kelebihan bahkan terbukti bahawa penderma juga dapat kelebihan dengan menderma darah.

Antara kelebihan menderma darah ialah penderma dapat melahirkan satu perasaan yang sangat menggembirakan apabila berjaya menolong doktor menyelamatkan nyawa orang lain. Selain itu, derma darah secara konsisten dapat mengurangkan risiko kanser termasuk kanser hati, paru-paru, colon, perut dan tekak. Amalan derma darah juga dapat mengurangkan jumlah zat besi yang berlebihan di dalam badan dan dapat menghindarkan risiko sakit jantung. Sebelum setiap proses



menderma darah bermula, seseorang penderma akan melalui beberapa pemeriksaan kesihatan percuma. Secara tidak langsung, hal ini dapat membantu mereka mengdiagnosis sebarang penyakit pada peringkat awal sebelum penyakit tersebut makin teruk. Bersama-sama dengan pemeriksaan kesihatan, para penderma akan menerima dan mengetahui analisis darah serta jenis darah secara percuma. Kalau sendiri pergi ke klinik atau hospital untuk mengetahui jenis darah atau analisis darah, sudah tentu kena bayar.

Setiap kali seseorang menderma darah, sebanyak 640 Kcal akan hilang. Hal ini boleh membantu seseorang dalam proses untuk mengurangkan berat badan. Di samping itu, perasaan gembira mendapat pek percuma seperti makanan, minuman, t-shirt dan sijil amat baik untuk sistem imun di dalam badan. Derma darah juga membolehkan penderma untuk mengisi semula bekalan darah, membantu badan penderma berfungsi dengan lebih cekap dan dapat bekerja secara produktif. Oleh itu, usaha orang ramai untuk menderma darah amatlah dihargai. Namun anda layak untuk menderma darah sekiranya anda seorang penderma yang berisiko rendah iaitu tidak memudaratkan diri sendiri dan darah yang anda derma itu tidak tercemar dengan virus penyakit-penyakit yang boleh berjangkit menerusi pemindahan darah.

Tuntasnya, menderma darah merupakan satu amalan sukarela yang terpuji dan tidak ternilai sumbangannya. Keinginan untuk menderma darah perlulah wujud dalam diri setiap individu tanpa dipaksa oleh mana-mana pihak. Malah setiap orang haruslah menganggap bahawa menderma darah adalah satu tanggungjawab diri dan mendermannya tanpa diundang.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Derma Darah Kurang Dapat Sambutan Golongan Muda' The Borneopost.com, 2015)

### **Soalan 2(a) – Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata secara konsisten. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa punca Kempen Derma Darah tidak mendapat sambutan masyarakat. Nyatakan punca-punca tersebut. [3 markah]
- (iii) Masyarakat kita terutamanya golongan muda kurang berminat untuk menderma darah. Pada pendapat anda, apakah tindakan-tindakan yang boleh diambil oleh media massa untuk menggalakkan masyarakat kita terutama golongan muda menderma darah? [4 markah]

## SOALAN PERCUBAAN MRSM

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang usaha-usaha meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik dan kepentingan-kepentingan mempelajari kedua-dua subjek tersebut. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Malaysia sering berada di tangga tercorot dalam bidang pendidikan khususnya dalam pencapaian subjek teras iaitu Sains dan Matematik yang didakwa mengalami penurunan minat yang ketara sebanyak 28 peratus. Pernyataan ini dibuktikan melalui Indeks Pendidikan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-98 daripada 181 buah negara. Senario tersebut menjadi petunjuk bahawa perlunya usaha untuk meninjau sistem pendidikan negara pada semua peringkat. Beberapa faktor dikenal pasti menjadi penyumbang terhadap tahap keyakinan pelajar tidak konsisten. Faktor-faktor tersebut termasuklah kerisauan pelajar terhadap pencapaian subjek Sains dan Matematik dan kurangnya pendedahan dari aspek kerjaya dalam bidang berkenaan. Di samping itu, pengaruh rakan sebaya dan sikap ibu bapa yang tidak menyokong pembelajaran subjek Sains dan Matematik dilihat juga sebagai punca keadaan ini berlaku.

Bagi meningkatkan pencapaian subjek Sains dan Matematik agar setanding dengan negara lain, setiap pelaksanaan program pendidikan negara perlu diperhalus. Selain itu, pembudayaan sains dan matematik hendaklah diterapkan dalam diri pelajar seawal usia kanak-kanak. Tanggungjawab menyemai minat dalam kedua-dua subjek ini bukan terletak di bahu pendidik semata-mata. Sekolah sewajarnya bekerjasama dengan masyarakat dalam meningkatkan kecemerlangan subjek ini supaya tidak melihat kecemerlangan dari sudut bilangan gred sahaja. Tanggapan negatif masyarakat tentang kesukaran mempelajari kedua-dua subjek ini perlu diubah kepada pembelajaran yang lebih menyeronokkan. Secara tidak langsung, tanggapan ini sebenarnya mampu *mematikan minat* dan keinginan pelajar untuk menguasai kedua-dua subjek ini dengan lebih baik.

Di samping itu, kempen kesedaran tentang subjek Sains dan Matematik dalam kalangan masyarakat mestilah diperhebat. Kempen ini dilihat sebagai langkah proaktif untuk menyedarkan lebih banyak pihak agar memahami kepentingan isu ini kepada negara. Dalam bidang kerjaya pula, pihak industri disarankan menjadi rakan kongsi ilmu ini dengan institusi pendidikan. Percambahan idea dan pengintegrasian kepentingan subjek Sains dan Matematik melalui penganjuran ~~pelbagai~~ pertandingan merupakan antara usaha Kementerian Pendidikan ~~untuk memperkasakan~~ kedua-dua subjek ini.

Bagi melonjakkan kecemerlangan dalam subjek tersebut, pelajar seharusnya menerima gaya pengajaran berasaskan KBAT. Mereka harus dibimbing supaya dapat berfikir secara kreatif dan kritis bagi menyelesaikan masalah. Guru dan pelajar sepatutnya berganding bahu untuk mencapai objektif pembelajaran lebih bermakna dalam kedua-dua subjek ini. Guru juga perlu sentiasa mengemas kini pengetahuan semasa dalam pengajaran supaya dapat menarik minat pelajar seterusnya meningkatkan pencapaian subjek tersebut.

Oleh itu, usaha membudayakan sains dan matematik perlu digerakkan oleh semua pihak bagi mencapai sasaran pelan hala tuju modal insan dalam bidang sains dan teknologi menjelang tahun 2020.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Penguasaan Sains dan Matematik Untuk Elak Ketinggalan'  
oleh Siti Mistima Maat,  
*Dewan Masyarakat*, Oktober 2015

**Soalan 2(a) - Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mematikan minat*. [2 markah]
- (ii) Pengarang ada menyatakan beberapa sebab keyakinan pelajar tidak menentu terhadap subjek Sains dan Matematik.  
Nyatakan sebab-sebab tersebut. [3 markah]
- (iii) Pencapaian anda dalam subjek Sains dan Matematik kurang memberangsangkan.  
Jelaskan tindakan yang akan anda lakukan untuk meningkatkan prestasi dalam kedua-dua subjek tersebut. [4 markah]



## SOALAN PERCUBAAN NEGERI SEMBILAN

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faktor-faktor yang menyebabkan makanan kesihatan tambahan dikatakan berbahaya dan peranan persatuan pengguna dalam menangani isu tersebut. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Pada hari ini, kebanyakan pengguna disogokkan dengan pelbagai promosi makanan kesihatan tambahan yang dimomokkan dengan kebolehan luar biasa untuk tujuan merawat pelbagai penyakit, mengurangkan berat badan dan 1001 *khasiat yang menakjubkan*. Lambakan makanan kesihatan tambahan di Malaysia ibarat cendawan tumbuh selepas hujan.

Terdapat pelbagai isu yang membimbangkan pengguna berhubung dengan makanan kesihatan tambahan apabila label tidak mempunyai arahan penggunaan yang lengkap dan didapati mengandungi bahan yang belum dinilai atau diuji bagi menyediakan jaminan yang munasabah. Fenomena ini lazim berlaku di seluruh dunia, tetapi lebih kerap berlaku di negara Asia, terutamanya di India dan di China yang merupakan pengeluar dan pengguna herba terbesar. Pencemaran bahan logam berat seperti pestisid, mikroorganisma dan miktotoksin banyak didapati dalam herba.

Seterusnya, pencemaran berlaku secara tidak sengaja melalui proses pembuatan yang menggunakan mesin logam yang tidak berkualiti, dan penambahan secara sengaja seperti merkuri sulfida, arsenik sulfida dan arsenik trioksida yang diamalkan dalam perubatan ayurveda dan perubatan dari China. Namun begitu, isu ini tidak akan berlaku sekiranya pihak pengeluar menggunakan mesin logam yang disahkan selamat dan mereka tidak menambah bahan-bahan kimia tertentu dalam produk perubatan yang dihasilkan.

Walau bagaimanapun, terdapat bukti saintifik yang mengaitkan penggunaan arsenik sulfida berkesan untuk merawat penyakit leukemia. Hal ini bermakna sesetengah bahan yang digunakan dalam makanan kesihatan tambahan berkesan untuk merawat penyakit tertentu namun ada pengguna yang mengambilnya tanpa mendapatkan khidmat nasihat dan pengawasan daripada doktor yang bertauliah. Pencemaran daripada mikroorganisma dapat berlaku pada peringkat penghasilan dan pemasaran. Keadaan pemprosesan dan penyimpanan yang sesuai bagi bahan mentah dan produk siap sangat penting untuk menentukan kualiti produk yang bebas daripada mikroorganisma.

Suhu dan kelembapan yang tinggi di kawasan tropika dan subtropika menyumbang kepada pertumbuhan kulat dan penghasilan miktotoksin kepada produk herba. Selain itu, pemalsuan produk makanan bagi tujuan meraih keuntungan juga sengaja dilakukan oleh pengusaha. Terdapat juga kes melibatkan produk langsing yang dikesan mempunyai komponen kimia yang tidak dilabel, iaitu sibutramine dan sildenafil. Sibutramine diharamkan penggunaannya di Kanada kerana sering dikaitkan dengan strok dan serangan jantung.

Jelaslah di sini bahawa setiap produk dalam pasaran menjanjikan kehebatan yang tersendiri. Oleh itu, pengguna harus berfikir dan membuat keputusan secara bijak terhadap sebarang produk yang digunakan.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Makanan Kesihatan Tambahan, Madu atau Racun'  
oleh Radhiah Shukri,  
*Dewan Masyarakat, Disember 2015*



## Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *hasiat yang menakjubkan*. [2 markah]
- (ii) Dalam petikan terdapat beberapa tindakan untuk memastikan produk makanan tambahan dihasilkan dalam keadaan selamat.  
Apakah tindakan-tindakan tersebut? [3 markah]
- (iii) Masyarakat kita mudah percaya akan keberkesanan promosi makanan tambahan.  
Pada pendapat anda, mengapakah perkara ini berlaku? [4 markah]

## SOALAN PERCUBAAN NEGERI PERAK - KINTA

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang faktor-faktor berlakunya longgokan sampah dan kesan-kesan longgokan sampah. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Secara purata, setiap rakyat Malaysia membuang dua kilogram sampah sehari. Kira-kira 45 peratus daripada sampah tersebut ialah sisa makanan, 25 peratus plastik dan 30 peratus bahan-bahan lain. Hal ini bererti hampir setengah daripada jumlah sampah di negara kita terdiri daripada sisa makanan. Keadaan ini disebabkan oleh sikap kebanyakan rakyat Malaysia yang suka membeli makanan mengikut nafsu, bukan mengikut keperluan. Sampah terhasil apabila isi rumah membuang apa-apa yang tidak perlukan oleh mereka. Apabila sistem kutipan sampah tidak sempurna, sampah mula bertimbun di tempat sendiri.

Terdapat orang ramai yang gagal menguruskan sampah mereka dan tidak melupuskannya mengikut cara yang betul, sehingga menyebabkan berlakunya longgokan sampah. Selain itu, amalan penggunaan pinggan mangkuk dan bungkusan pakai buang seperti polisterina dan beg plastik yang semakin berleluasa pada masa ini turut menjadi penyumbang kepada longgokan sampah sarap. Oleh itu, kerajaan seharusnya menguatkuasakan larangan penggunaan polisterina dan beg plastik kerana penguraiannya memakan masa yang sangat lama. Selain itu, terdapat juga sesetengah barangan dibungkus secara berlebihan untuk menarik minat pengguna. Namun demikian, tanpa disedari bahan pembungkusan barangan yang dibuang begitu sahaja boleh menyebabkan timbunan sampah semakin bertambah. Masalah tersebut menjadi *semakin serius* apabila terdapat pihak yang dipertanggungjawab untuk mengutip dan melupuskan sampah tidak menjalankan tugas secara berkesan.

Baru-baru ini, sebuah akhbar melaporkan bahawa sikap pembaziran dalam kalangan rakyat Malaysia semakin menjadi-jadi khususnya semasa musim perayaan. Masyarakat kita yang gemar membeli barangan baharu dan membuang barangan lama menjadikan masalah longgokan sampah tiada penyelesaiannya. Perkara ini tidak akan berlaku jika amalan kitar semula dilaksanakan dalam kalangan rakyat. Malangnya, amalan kitar semula di negara kita kurang mendapat sambutan. Keadaan ini diburukkan lagi apabila tempat pengumpulan bahan kitar semula yang ada di seluruh negara tidak mencukupi. Seharusnya, tong kitar semula disediakan di banyak tempat dan ada pihak yang bertanggungjawab untuk menguruskannya secara berkesan.

Di samping itu, sikap masyarakat yang tidak ada kesedaran akan pentingnya menjaga alam sekitar dengan membuang bahan buangan domestik sewenang-wenangnya turut menyebabkan masalah longgokan sampah yang tidak terkawal. Contohnya, penggunaan lampin pakai buang yang menjadi gaya hidup masyarakat moden pada hari ini telah menambahkan lagi masalah longgokan sampah. Seharusnya, penggunaan lampin bayi jenis kain yang boleh dicuci menjadi pilihan kerana lampin pakai buang amat sukar untuk dilupuskan. Sehubungan dengan itu, masyarakat perlu segera beralih kepada penggunaan bahan mesra alam. Dalam hal ini, pendidikan memainkan peranan utama untuk melahirkan masyarakat pengguna yang bijak demi kesejahteraan hidup manusia.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Longgokan Sampah Masalah yang Tiada Noktah'  
oleh Amlir Ayat,  
*Dewan Masyarakat, November 2011*

### **Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata *semakin serius*. [2 markah]
- (ii) Pengarang mengemukakan beberapa cara menangani masalah pembuangan sampah yang tidak terkawal.

Nyatakan cara-cara tersebut. [3 markah]

- (iii) Kerajaan mengadakan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik pada setiap hari Sabtu. Pada pendapat anda, bagaimanakah kempen ini dapat dijayakan dengan lebih berkesan?

Berikan **tiga** cara. [4 markah]



## SOALAN PERCUBAAN NEGERI PERLIS

*Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah menghadapi tekanan ketika peperiksaan dan peranan ibu bapa untuk mengurangkan tekanan. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Proses penilaian melalui peperiksaan awam yang penting seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) yang dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara masih relevan. Melalui penilaian inilah pelajar yang cemerlang dalam bidang akademik dan disokong dengan kecemerlangan dalam bidang koakademik atau kokurikulum mempunyai peluang cerah untuk melanjutkan pengajian di universiti awam. Namun begitu, isu yang paling menarik untuk diperkatakan bukanlah tentang puluhan ribu pelajar yang dapat melanjutkan pelajaran di universiti awam tetapi situasi yang dihadapi oleh pelajar sebelum menjelangnya kedua-dua peperiksaan penting itu.

Pelbagai ragam pelajar sama ada yang positif atau negatif sebelum menjelangnya peperiksaan awam termasuklah tekanan perasaan atau stres yang rata-ratanya dihadapi oleh pelajar. Tekanan ialah perkara yang berkaitan dengan ketegangan yang dialami oleh mental atau emosi seseorang disebabkan oleh pelbagai faktor. Pelajar atau remaja perlu mempunyai kemahiran untuk mengatasi masalah tekanan perasaan supaya fokus mereka untuk menghadapi peperiksaan tidak terjejas. Pelajar biasanya mendapat tekanan daripada ibu bapa, guru atau rakan untuk meraih kejayaan yang cemerlang dalam peperiksaan. Dalam konteks ini, pelajar seharusnya berasa tenang dan sentiasa fokus tentang peperiksaan yang akan dihadapi. Ketenangan yang diperlukan tidak akan datang dengan tiba-tiba atau secara terpaksa tetapi akan terzahir apabila pelajar bersedia dengan sebaik-baiknya. Lantaran itu, pelajar perlu melaksanakan perancangan yang sesuai berdasarkan kemampuan dan komitmen mengikut keupayaan sebagai persiapan menjelang peperiksaan. Malahan mereka sepatutnya mengadakan jadual pembelajaran yang sistematik dan boleh diikuti agar tidak mengelabah atau mengalami *kerisauan yang kronik* sebelum peperiksaan.

Tekanan perasaan perlu ditangani dengan segera untuk mengelakkan perkara yang lebih buruk berlaku terutamanya bagi para pelajar. Pelajar perlu memahami Falsafah Pendidikan Negara yang mahu melahirkan pelajar yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual dan sosial. Oleh itu, mereka seharusnya belajar dalam persekitaran yang menyeronokkan agar emosi mereka berkembang secara natural dan memenuhi keperluan mereka sebagai remaja. Pelajar juga perlu menjauhkan diri daripada perkara yang mampu merosakkan emosi dan ketenangan. Seelok-cloknnya pelajar harus mempunyai hala tuju yang konsisten tentang masa depan mereka. Perkara sampingan yang mampu menjejaskan kestabilan emosi seperti hubungan peribadi dengan rakan-rakan, masalah keluarga, masalah dengan guru dan masalah kewangan perlu ditangani dengan bijaksana kerana dikhuatiri mampu menjejaskan tumpuan mereka terhadap peperiksaan.

Sekiranya pelajar menghadapi masalah kritikal yang mampu menjejaskan ketenangan, mereka perlu segera berjumpa dengan guru yang rapat atau kaunselor di sekolah. Guru atau

kaunselor pasti mempunyai kaedah bagi mengatasi masalah ini. Di samping itu, pelajar perlu menjaga kesihatan diri kerana tanpa kesihatan yang baik sukar bagi pelajar untuk mengulang kaji pelajaran dan melakukan latihan intensif dengan baik. Pelajar sepatutnya membanyakkan amalan kerohanian yang dapat memberikan ketenangan kepada jiwa sebagai persiapan penting untuk menghadapi peperiksaan. Kesimpulannya, tugas atau bebanan yang keterlaluan kepada pelajar semata-mata mahu menjadikan mereka cemerlang dalam bidang akademik perlu dielakkan demi melahirkan insan yang cemerlang dari segi ilmu dan akhlaknya.

Dipetik dan diubahsuaikan daripada  
'Tekanan Perasaan Menggugat Peperiksaan'  
oleh Nizar Parman,  
Dewan Siswa, September 2015

### Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *kerisauan yang kronik*. [2 markah]
- (ii) Dalam petikan terdapat beberapa perkara sampingan yang mampu menjejaskan kestabilan emosi pelajar.  
Apakah perkara-perkara sampingan tersebut? [3 markah]
- (iii) Sistem pendidikan yang berorientasikan peperiksaan menyebabkan pelajar mengalami tekanan yang kronik.  
Huraikan pendapat anda tentang tindakan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk membendung masalah ini. [4 markah]

## SOALAN PERCUBAAN NEGERI PULAU PINANG

Baca petikan berikut dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang **faktor-faktor pelaksanaan dasar MBMMBI dan kekangannya**. Panjangnya rumusan hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Kerajaan pada 8 Julai 2009 telah memansuhkan pelaksanaan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) di sekolah-sekolah dan digantikan dengan dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). Memartabatkan bahasa Melayu bermaksud meletakkan bahasa Melayu pada tempat yang sepatutnya dan sesuai dengan kedudukan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia, Perkara 152. Bahasa Melayu juga merupakan bahasa pengantar utama dalam pendidikan berasaskan Akta Pendidikan 1996.

Tujuan utama pelaksanaan dasar MBMMBI ini jelas kerana bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang menjadi alat perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum. Dalam bidang pendidikan, bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa ilmu kerana banyak buku ilmiah sama ada buku terbitan asal ataupun buku terjemahan menggunakan bahasa Melayu sebagai medium untuk menyampaikan ilmu pengetahuan.

Semua guru disarankan agar memahami sepenuhnya maksud dan definisi MBMMBI serta dapat memaklumkan hasrat dan matlamat pelaksanaan dasar ini kepada murid-murid dan masyarakat dengan jelas. Dengan meletakkan bahasa Melayu di tempat yang sepatutnya kebudayaan bangsa Melayu akan terpelihara dan seterusnya dapat dilestarikan.

Umum mengetahui bahawa, dalam masyarakat pelbagai etnik, perlu wujud satu medium untuk mereka saling berhubung. Dasar MBMMBI ini diaspirasikan agar satu bentuk komunikasi yang berkesan dapat dilakukan dalam kalangan masyarakat. Hal ini akan dapat memupuk sikap saling menghormati antara satu sama lain. Di sekolah, para guru perlu membudayakan penggunaan bahasa Melayu baku agar martabat bahasa itu dapat diletakkan pada kedudukan yang sewajarnya.

Bagi perkembangan bahasa Inggeris pula, kepentingan bahasa ini sebagai bahasa kedua tidak dapat dinafikan. Bahasa Inggeris penting sebagai alat komunikasi antarabangsa dan menjadi medium untuk wacana ilmu di peringkat tersebut. Dasar MBMMBI yang dilaksanakan ini juga memberikan penekanan kepada bahasa Inggeris kerana bahasa ini membantu perkembangan kemajuan dalam sektor perniagaan dan ekonomi global pada era globalisasi ini. Kesimpulannya, dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuh Bahasa Inggeris kena pada tempatnya dan tepat pada masanya. Marilah sama-sama kita menjaga dan **memartabatkan budaya** bangsa kita.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada rencana MBMMBI, *Buletin Pendidikan*, Disember 2010)

### Soalan 2(a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *memartabatkan budaya*.  
[2 markah]
- (ii) Nyatakan peranan guru bagi memastikan objektif MBMMBI ini dapat direalisasikan?  
[3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, bagaimanakah penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid dapat ditingkatkan?  
[4 markah]

## SOALAN PERCUBAAN NEGERI SARAWAK - BELAGA

*Baca petikan di bawah dengan teliti dan kemudian buat satu rumusan tentang ciri-ciri seorang pengetua sekolah yang cemerlang dan kesan-kesan jika pengetua tidak mempunyai ciri-ciri tersebut. Panjang rumusan anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Pengetua ialah peneraju kepada kepemimpinan sekolah. Memandangkan pengetua merupakan orang yang paling berpengaruh di sekolah, maka beliau akan menjadi *role model* atau idola kepada guru dan kakitangan di bawahnya. Seseorang pengetua perlu mempunyai bakat kepemimpinan yang dapat membimbing anak-anak buahnya. Kepemimpinan yang berkualiti mampu memacu kejayaan sekolah dan meningkatkan prestasi akademik murid-murid.

Pengetua perlu mempunyai kemahiran mengenal pasti isu-isu dan strategi sama ada yang berkaitan dengan akademik, bukan akademik, dan disiplin murid. Kemahiran ini perlu dimiliki oleh semua pengetua yang mahu sekolah yang dipimpinnya disegani oleh masyarakat di sekitar sekolah. Seterusnya, seseorang pengetua hendaklah mempunyai motivasi yang tinggi. Mereka hendaklah sentiasa berusaha untuk memajukan kepemimpinan diri demi kemajuan sekolah misalnya menghadiri seminar, perbengkelan, dan seumpamanya. Pengetua sebagai penjana transformasi pendidikan hendaklah seorang personaliti yang mempunyai kualiti peribadi yang cemerlang. Beliau berkemampuan untuk menjelaskan visi dan misi organisasi (sekolah) kepada semua pihak terutamanya guru dan kakitangan sokongan.

Seseorang pengetua yang menjadi tunggak institusi sekolah mestilah mempunyai *time frame* dalam menyiapkan sesuatu program atau projek yang dirancang. Ketepatan masa amat penting kerana beliau akan memberikan teladan kepada guru, kakitangan, dan murid-murid di sekolah. Pengetua juga merupakan individu yang mengamalkan konsep pengurus sekolah, iaitu mewujudkan suasana kerjasama antara guru dengan murid. Pengetua yang berkemampuan untuk mewujudkan suasana yang harmonis tentunya akan disanjung sekali gus menjadi model kepada orang-orang bawahan dan murid-murid.

Berfikiran terbuka juga merupakan ciri seorang pengetua yang boleh dijadikan contoh. Pengetua yang mempunyai sikap ini akan sentiasa mendengar pandangan daripada pihak lain seperti guru, ibu bapa mahupun murid. Dalam pada itu, pengetua hendaklah seorang yang tabah terutama sekali ketika menghadapi masalah atau cabaran. *Blumberg dan Greenfield*



(1986) pula berpendapat bahawa ciri penting yang perlu ada pada diri seorang pengetua adalah bijak dan pintar dalam bertindak serta mempunyai daya usaha yang tinggi. Pengetua hendaklah menjadi contoh dan model yang baik kepada kakitangannya. Selain itu, pengetua juga hendaklah mempamerkan sikap yang terpuji. Seterusnya, pengetua yang baik akan memberikan peluang kepada guru-guru dan kakitangannya untuk menonjolkan kepemimpinan mereka. Dalam erti kata lain, pengetua perlu bersikap profesional dan tidak berat sebelah dalam menjalankan tanggungjawabnya.

Jelaslah bahawa seseorang pengetua itu mestilah merupakan individu yang berwibawa dan berkaliber serta dapat *mempamerkan kualiti* kepemimpinan dan mempunyai kemahuan yang tinggi untuk memimpin. Ciri-ciri sedemikian membolehkan beliau menjadi seorang yang berpengaruh, dan seterusnya menjadi peneraju utama sekolah yang menjadi ikutan kepada orang bawahannya serta dapat melonjakkan kecemerlangan sekolah dalam semua aspek.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Pengetua Penjana Transformasi Pendidikan Negara' oleh Izani Hj Daud, *Wadah Siswa*, 2013)

#### **Soalan 2 (a) - Petikan Umum**

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

(i) Berikan maksud rangkai kata *mempamerkan kualiti*. (2 markah)

(ii) Dalam petikan ada dinyatakan tentang kebaikan yang akan diperoleh jika seseorang pengetua itu mempunyai bakat kepemimpinan.

Apakah kebaikan-kebaikan tersebut? (3 markah)

(iii) Keharmonian dalam kalangan warga sekolah amat penting untuk mewujudkan suasana yang ceria dan selesa di sekolah.

Sekiranya anda seorang pengetua, apakah tindakan-tindakan yang akan anda lakukan untuk menjaga keharmonian warga sekolah? (4 markah)

## SOALAN PERCUBAAN NEGERI SELANGOR – SMK SIJANGKANG JAYA

Baca petikan di bawah dengan telitinya. Kemudian buat satu rumusan tentang **kesan-kesan negatif penggunaan Internet dan langkah-langkah untuk membendung penyalahgunaannya**. Panjang rumusan anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.

Kelebihan utama Internet berbanding dengan media lain ialah keupayaannya memberikan maklumat tanpa sekatan. Internet membolehkan masyarakat memperoleh dan menyebarkan maklumat dengan bebas. Internet bukan sahaja menjelaskan konsep demokrasi maklumat, malah dapat mengubah cara manusia berkomunikasi. Perubahan cara komunikasi inilah yang menerbitkan krisis dalam aspek keselamatan maklumat dan aspek tanggungjawab.

Sesungguhnya, pengenalan Internet menimbulkan perdebatan dalam pelbagai isu. Penyebaran bahan imperialisme yang dapat meruntuhkan nilai-nilai budaya dan moral sesuatu bangsa jelas menunjukkan bahawa Internet mudah dikaitkan dengan perkara-perkara yang mendatangkan pelbagai keburukan. Internet merupakan media yang membolehkan sesiapa sahaja menerbitkan bahan kepada masyarakat dunia dengan kos yang sangat murah. Hakikat ini telah menyebabkan kerajaan-kerajaan di seluruh dunia cuba mengawal media baru ini. Keupayaan rangkaian canggih ini menyebarkan imej digital menyebabkan Internet **sering dijadikan wahana** untuk menyebarkan bahan tidak bermoral secara talian terus.

Di samping itu, Internet digunakan juga untuk menyebarkan pelbagai judul buku yang diharamkan di sesetengah negara. Malah, penerbit buku di seluruh dunia mempersoalkan pelanggaran hak cipta yang banyak dilakukan dalam Internet. Selain itu, rangkaian ini juga digunakan untuk menyebarkan iklan yang mungkin tidak diterima oleh media lain, kerana iklan itu melanggar kod etika pengiklanan seperti mengeksploitasikan wanita dan menarik cita rasa kanak-kanak. Kebebasan penyebaran maklumat ini, menyebabkan Internet digunakan untuk menyebarkan fitnah dan khabar angin terhadap kerajaan atau organisasi tertentu. Internet turut menimbulkan masalah perundangan terbesar dalam undang-undang harta intelek dan kebebasan hak asasi.

Beberapa terbitan *Encyclopedia World Wide* telah disebarikan melalui Internet tanpa izin pemegang hak ciptanya. Perbuatan tersebut memang menyalahi undang-undang, tetapi perkara ini telah berlaku dalam ruang siber dewasa ini. Kebimbangan terhadap Internet turut tertumpu terhadap kegiatan jenayah ekonomi dan penipuan dalam transaksi talian terus. Internet menjadikan sempadan geografi semakin tidak jelas. Internet sering mencabar amalan budaya dan moral. Menyedari hakikat ini, banyak negara berusaha mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memerangi penyalahgunaan internet.

(Dipetik dan diubah suai daripada 'Penggunaan Internet: Kesan kepada Pengguna' oleh Salmah Ali *Majalah Siswa*, Jun 2012)



## Soalan 2 (a) Pemahaman Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Apakah maksud rangkai kata *sering dijadikan wahana*? [2 markah]
- (ii) Pengarang ada menyatakan beberapa kebaikan Internet. Nyatakan kebaikan tersebut. [3 markah]

Laman web mata pelajaran banyak membantu murid untuk belajar. Terdapat banyak laman web mata pelajaran yang boleh dilayari oleh murid-murid.

- (iii) Pada pendapat anda apakah ciri-ciri laman web mata pelajaran yang mampu menarik minat pelajar? Kemukakan tiga pendapat anda. [4 markah]

## SOALAN PERCUBAAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH

**Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang langkah-langkah untuk memperkasakan penglibatan wanita dalam bidang ekonomi dan kekangannya. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.**

Kaum wanita pada zaman dahulu sering dikaitkan dengan peranan mereka sebagai suri rumah, tetapi kini pencapaian wanita sudah memasuki fasa yang lebih luas dan cemerlang serta berjaya memecahkan dominasi lelaki, sama ada dalam bidang kepimpinan, pentadbiran, mahupun keusahawanan. Oleh sebab golongan wanita di negara ini mewakili separuh daripada jumlah penduduk negara, penglibatan mereka dalam pembangunan ekonomi sangat penting untuk meningkatkan pendapatan negara dan sekali gus membantu meningkatkan status sosioekonomi keluarga.

Perdana Menteri, Dato' Seri Mohd. Najib Tun Abdul Razak, menyeru supaya sektor swasta turut meningkatkan penyertaan wanita di Malaysia dalam jawatan peringkat tertinggi seperti Ketua Pegawai Eksekutif dan anggota lembaga pengarah. Beliau juga menyarankan syarikat korporat membuka mata untuk menilai kebolehan wanita dari sudut yang lebih signifikan. Dalam memperkasakan kuasa wanita sebagai antara agen pembangunan ekonomi negara, pada tahun 1989, kerajaan mengambil inisiatif untuk menggubal Dasar Wanita Negara. Penggubalan dasar ini memperlihatkan komitmen kerajaan yang bertujuan untuk mengintegrasikan sumbangan wanita dalam proses pembangunan negara, di samping menjaga kepentingan dan penyertaan wanita supaya tidak diketepikan. Selain itu, usaha ke arah menjamin perkongsian yang saksama antara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber dan maklumat juga dilaksanakan. Usahawan wanita hendaklah meneroka peluang dan faedah yang wujud daripada pembangunan. Bagi memastikan golongan wanita dapat terus memacu pendapatan syarikat, usahawan wanita negara ini diseru untuk mendaftar dengan mana-mana persatuan usahawan. Hal ini bagi membolehkan mereka mendapat lebih banyak maklumat, khususnya tentang peluang untuk mengembangkan perniagaan, meningkatkan pengetahuan dalam bidang keusahawanan, di samping membina rangkaian kerja yang lebih kukuh. Usahawan wanita perlu mendekati diri dengan jaringan yang sesuai dan menjalinkan rangkaian yang lebih luas untuk menjana pendapatan perniagaan masing-masing. Mereka juga perlu berusaha untuk merebut peluang atau peruntukan yang boleh dimanfaatkan.



mengintegrasikan sumbangan wanita dalam proses pembangunan negara, di samping menjaga kepentingan dan penyertaan wanita supaya tidak diketepikan. Selain itu, usaha ke arah menjamin perkongsian yang saksama antara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber dan maklumat juga dilaksanakan. Usahawan wanita hendaklah meneroka peluang dan faedah yang wujud daripada pembangunan. Bagi memastikan golongan wanita dapat terus memacu pendapatan syarikat, usahawan wanita negara ini diseru untuk mendaftar dengan mana-mana persatuan usahawan. Hal ini bagi membolehkan mereka mendapat lebih banyak maklumat, khususnya tentang peluang untuk mengembangkan perniagaan, meningkatkan pengetahuan dalam bidang keusahawanan, di samping membina rangkaian kerja yang lebih kukuh. Usahawan wanita perlu mendekatkan diri dengan jaringan yang sesuai dan menjalinkan rangkaian yang lebih luas untuk menjana pendapatan perniagaan masing-masing. Mereka juga perlu berusaha untuk merebut peluang atau peruntukan yang boleh dimanfaatkan.

Jabatan Pembangunan Wanita juga wajar meningkatkan kerjasama dengan institusi lain seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) agar dapat memperkasakan kegiatan keusahawanan. Hal ini dapat dijadikan landasan yang baik untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan di negara ini. Pada masa yang sama, langkah peningkatan kerjasama yang diambil sekurang-kurangnya membolehkan usahawan wanita terus membangun dan meningkatkan kemahiran, di samping berupaya mengenal pasti kelemahan mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Kedudukan Wanita dalam Pembangunan Ekonomi'  
oleh Mahathir Mahazar,  
Dewan Ekonomi, Ogos 2012

#### Soalan 2(a) – Petikan Umum

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

(i) Berikan maksud rangkai kata *meningkatkan status* [2 markah]

(ii) Usahawan wanita akan mendapat maklumat jika mereka mendaftar dengan persatuan usahawan.

Nyatakan maklumat-maklumat tersebut. [3 markah]

(iii) Wanita perlu memiliki ilmu yang tinggi dan kemahiran untuk berjaya dalam bidang keusahawanan.

Pada pendapat anda, apakah kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh usahawan wanita agar mereka lebih cemerlang dalam bidang keusahawanan?

[4 markah]

## SOALAN PERCUBAAN NEGERI TERENGGANU

*Baca petikan berikut dengan teliti, kemudian buat rumusan tentang langkah-langkah untuk memulihara sungai di bandar dan kepentingan memulihara sungai. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.*

Menjijikkan! Suatu gambaran kesedihan pencinta alam sekitar apabila melihat keadaan lesu Sungai Klang dan Sungai Gombak. Keadaan sungai bukan sahaja kotor malah berbau busuk. Kedua-dua batang sungai yang mengalir di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur itu sepatutnya menjadi destinasi yang menarik untuk warga kota beriadah dan berekreasi, tetapi menjadi tempat paling memualkan kerana persekitaran sungai telah menjadi sarang penagih dadah yang menjadikan tembok Sungai Klang sebagai lokasi strategik untuk berlindung daripada pihak berkuasa. Timbunan sampah di tebing sungai pula menjadi tempat pembiakan binatang seperti tikus, lipas dan lalat. Oleh sebab itu, pihak penguat kuasa perlu kerap turun padang untuk memantau pihak yang tidak bertanggungjawab ini daripada mencemarkan sungai.

Semasa pelancaran projek *River of Life*, pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah mengingatkan betapa pentingnya warga kota mengubah sikap mereka dalam memastikan kebersihan Sungai Klang dan Sungai Gombak. Ingatan tersebut disampaikan kerana pelbagai usaha telah dilakukan oleh pihak kerajaan supaya air sungai dapat terus mengalir. Namun begitu, usaha-usaha tersebut belum mampu mengubah nasib sungai di bandar raya itu. Sehubungan dengan itu, kerajaan perlu menilai semula kempen *mengubah budaya* membuang sampah untuk menyedarkan warga kota. Walaupun banyak pihak berpendapat bahawa undang-undang yang sedia ada lebih daripada mencukupi untuk menjaga kelestarian sungai, namun pihak penguat kuasa perlu melaksanakan dan menguatkuasakan undang-undang yang berkaitan dengan tegas.

Program-program pemuliharaan sungai yang dilaksanakan oleh DBKL seperti program pemuliharaan Sungai Klang dan Sungai Gombak, melibatkan masa yang panjang dan kos yang tinggi. Dalam hal ini, DBKL mesti merangka suatu pendekatan proaktif yang lebih komprehensif untuk memastikan keberkesanan program yang dijalankan. Pendekatan tersebut boleh dilakukan dengan menjalankan kajian secara terperinci agar dapat dilaksanakan dengan berkesan. Untuk tujuan itu, DBKL perlu mengaktifkan program sungai angkat selain menambah baik aktiviti pemuliharaan sungai. Kejayaan memulihara Sungai Melaka sehingga menjadi destinasi pelancongan utama di Melaka boleh dicontohi. Di samping itu, para pemilik kilang hendaklah bertanggungjawab menanggung kos pemulihan sungai yang dicemari oleh aktiviti mereka sendiri. Hal ini demikian kerana mereka tiada masalah untuk membayar denda yang dikenakan setelah mengaut keuntungan yang berjuta-juta ringgit hasil daripada operasi kilang mereka.

Dalam menangani permasalahan ini juga, warga kota mesti bekerjasama bagi meminimumkan pencemaran sungai agar sungai di bandar dapat dipulihara. Hal yang demikian tidak sepatutnya menjadi penghalang kepada mereka untuk mencapai matlamat yang diinginkan kerana kebersihan sungai di bandar melambangkan cara hidup warganya.

Dipetik dan diubah suai daripada  
'Memulihara Sungai di Bandar'  
oleh Abdul Kadir Mohd. Ayub,  
Dewan Masyarakat, Oktober 2012

## Soalan 2 (a) – Petikan Umum

Berdasarkan petikan Soalan 1 di atas, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *mengubah budaya*. [2 markah]
- (ii) Pengarang berpendapat bahawa sungai-sungai di bandar sebagai tempat paling memualkan. Nyatakan sebab-sebab pengarang berpendapat sedemikian. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menjadikan sungai sebagai destinasi pelancongan? [4 markah]

## SOALAN PERCUBAAN YAYASAN ISLAN KELANTAN

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang cara-cara mengatasi stres dan masalah-masalah yang dihadapi untuk menanganinya. Panjang rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pelajar sering mengalami stres untuk mencapai kecemerlangan dalam pelajaran terutama menjelang peperiksaan. Stres yang dialami oleh pelajar ini disebabkan mereka mahu memperoleh gred yang tinggi agar dapat berjaya ke menara gading. Sesetengahnya pula menjadi tekanan daripada ibu bapa yang mahu melihat anaknya berjaya dengan cemerlang. Ibu bapa selalu meletakkan sasaran kejayaan yang terlalu tinggi supaya menjadi teladan kepada adik-adiknya.

Pelajar seharusnya belajar secara berkumpulan untuk mendapat bimbingan daripada rakan-rakan. Stres akan hilang dengan keseronokan yang timbul daripada bergaul dan bual bicara serta tawa rakan-rakan. Pandangan daripada rakan-rakan sangat penting pada usia remaja kerana mereka mempunyai pengalaman yang berbeza dalam kehidupan. Lazimnya gaya hidup pelajar yang suka belajar secara berkumpulan jauh lebih menyerlah potensinya berbanding pelajar yang suka menyendiri. Kekerapan mendapat nasihat dan bimbingan daripada guru kaunseling juga sangat penting apabila seseorang pelajar mengalami stres.

Stres akan bercambah apabila kehidupan terlalu sibuk. Oleh itu, pelajar perlu melakukan kegiatan riadah pada setiap hari mengikut masa yang sesuai. Amalan riadah patut dilakukan pada waktu lapang terutama pada waktu pagi dan petang. Antara kegiatan riadah yang sesuai dilakukan ialah berbasikal, berjoging, bersiar-siar di taman rekreasi dan memancing ikan. Kegembiraan berada di tempat riadah dengan kehijauan taman dan keheňangan udara mampu membuatkan seseorang pelajar melupakan segala masalah yang membelenggu fikirannya.



Selain itu, amalan tidur yang cukup dalam sehari memberi makna yang besar kepada seseorang pelajar. Banyak pelajar mengabaikan tidur yang cukup selama enam hingga lapan jam sehari. Tumpuan terhadap pelajaran akan menjadi kacau dan hidup mereka tidak tenteram jika tidak cukup tidur. Seseorang pelajar hendaklah sentiasa berfikiran positif apabila berhadapan dengan situasi yang kritikal dan sukar. Cara ini boleh menghindari fikiran yang tidak menentu dan kusut. Pelajar juga akan kelihatan lebih matang dan bertenaga dari segi fizikalnya.

Pelajar juga boleh mendengar muzik sentimental semasa mengulang kaji mata pelajaran. Muzik boleh menjadikan diri dibuai perasaan dan *terapi fikiran yang efisien*. Apabila muzik bergema, hati akan dibuai oleh alunan melodinya sehingga di luar kesedaran diri. Usaha memperbanyakkan amalan ibadat dalam kehidupan seharian sangat penting. Para pelajar hendaklah memperbanyakkan solat, puasa, mendengar tazkirah, zikir dan membaca al-Quran. Sesungguhnya, sembahyang dan membaca al-Quran memberikan ketenangan yang tidak dapat diungkapkan dengan kata-kata. Sembahyang yang khusyuk akan menjadikan seseorang itu lupa akan semua tekanan yang dihadapi. Jiwa berasa tenang

dan damai, hati juga menjadi bersih. Ketika rukuk dan sujud, darah akan mengalir dengan lebih sempurna di dalam tubuh kita. Selepas mendirikan solat dan berzikir seseorang itu akan berasa dirinya bersih, damai dan insaf.

Kadang-kadang stres berlaku disebabkan gangguan sistem pengambilan pemakanan yang tidak sempurna. Pelajar gagal menjaga pemakanan harian mereka terutama menjelang peperiksaan. Mereka gemar akan makanan segera sebagai menu harian. Oleh itu, pelajar mestilah mengambil makanan yang berkhasiat dan mengutamakan makanan seimbang dalam menu harian. Kadang-kadang ada juga pelajar melakukan kesilapan yang besar dengan menghisap rokok untuk mengurangkan stres. Tindakan itu tidak tepat bahkan boleh meningkatkan gangguan fikiran secara normal. Merokok sudah menjadi amalan lumrah dalam kalangan pelajar hari ini tanpa mengira jantina.

Kesimpulannya, stres akan tetap menghantui dalam fikiran pelajar. Isu ini merupakan mainan dalam diri untuk membina kelangsungan hidup yang lebih bermakna. Hanya pelajar yang berfikiran rasional sahaja akan berjaya menangani masalah stres.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada “*Cara selamat mengatasi tekanan*” oleh Dr. Hazwan bin Harun, *Berita Harian*, Mac, 2015)

#### Soalan 2(a) - Petikan Umum

Berdasarkan petikan **Soalan 1**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- (i) Berikan maksud rangkai kata *terapi fikiran yang efisien*. [2 markah]
- (ii) Mengapakah stres sering berlaku kepada pelajar sekolah? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah kesan buruk jika seseorang pelajar membiarkan diri mereka sentiasa berada dalam keadaan stres? [4 markah]